

D335

B B733 DEB

MAHATHIR - AKHBAR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN TARIKH) RRRRRR  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI.)

KUALA LUMPUR, 19 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAM INI MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA PIHAK MEDIA MASSA HARUS BERSIKAP KONFRANTASI UNTUK MEMBUKTIKAN KREDIBILITI MEREKA.

SEBALIKNYA, HUBUNGAN RAPAT DAN MESRA ANTARA KERAJAAN DENGAN MEDIA MASSA TIDAK SEMESTINYA AKAN MENGHILANGKAN KREDIBILITI MEDIA MASSA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KEPADA PARA WARTAWAN DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH TAHUNAN KEWARTAWANAN MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA ADA +PIHAK-PIHAK TERTENTU+ YANG CUBA MELEMAHKAN HUBUNGAN RAPAT YANG MUJUD ANTARA KERAJAAN DAN MEDIA MASSA DI NEGARA INI.

+ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG KURANG SENANG DENGAN KERJASAMA KITA DAN KITA HENDAKLAH BERHATI-HATI,+ KATA BELIAU.

KATANYA, MEDIA MASSA DAN KERAJAAN TELAH BERJAYA MEMUJUDKAN KERJASAMA YANG BOLEH DIBANGGAKAN DAN INI HARUS DIPUPUK DAN DIPELIHARA SUPAYA TERUS ERAT. -- LAGI.

1907MST 19 09 87

D350

B B739 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU, BAGAIMANAPUN, BERKATA ADANYA KERJASAMA INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA PIHAK MEDIA MASSA TIDAK HARUS DAN TIDAK BOLEH MENKRITIK ATAU MENEGUR KERAJAAN.

+KERAJAAN SEBENARNYA MENGGALAKKAN KRITIKAN-KRITIKAN DAN INI KERAP DIBUAT SEPERTI YANG DAPAT KITA BACA DALAM AKHBAR-AKHBAR DAN PENERBITAN-PENERBITAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA KRITIKAN-KRITIKAN YANG DIBUAT BIARLAH BERASAS, MEMBINA, JUJUR DAN DENGAN NIAT BAIK UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN.

BELIAU LALU MENGINGATKAN MEDIA MASSA BAHAWA MEREKA JUGA BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KETENTERAMAN DAN HARMONI YANG TERDAPAT DALAM NEGARA.

PERANAN INI ADALAH BERAT DAN MEDIA MASSA DI NEGARA INI TELAH MEMIKUL DAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB ITU DENGAN BERKESAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERPADUAN DAN KESTABILAN SUPAYA PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA TERUS BERKEMBANG. -- LAGI

1934MST 19 09 87

0353

B B740 DEB  
MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

UNTUK TUJUAN ITU, SEGALA USAHA YANG BOLEH DISUMBANGKAN OLEH MEDIA MASSA BAGI MENCAPAI OBJEKTIF INI BUKAN SAHAJA DISAMBUT-BAIK TETAPI JUGA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB YANG TIDAK BOLEH DIABAIKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENGAJAK MEDIA MASSA SUPAYA SAMA-SAMA BERTINDAK KE ARAH MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG LEBIH SEJAHTERA. DALAM HAL INI, ADALAH PENTING BAGI MEDIA MASSA MENENTUKAN AGAR LAPORAN-LAPORAN YANG DIBUAT TIDAK MENDATANGKAN KESAN NEGATIF.

INI IALAH KERANA JIKA PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN TERGUGAT, KETENTERAMAN DAN KESELEMATAN NEGARA AKAN TERANCAH, KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA MENGAWAL DAN MEMULIHKAN KEADAAN MEMERLUKAN BANYAK MASA DAN TENAGA SELAIN DARIPADA KESULITAN-KESULITAN YANG TIMBUL.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA MEDIA MASSA DI ATAS SUMBANGANNYA KEPADA USAHA-USAHA KERAJAAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN KEPADA NEGARA DAN RAKYAT. -- LAGI

1939MST 19 09 87